



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**MAJLIS PELANCARAN BUKU DAN LOGO BAHARU UKM-GSB 2022  
25 JANUARI 2022 (SELASA)**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia,

**Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj.Toriman**

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia

Yang Berusaha,

**Prof. Dr. Zafir Khan Mohamed Makbul**

Dekan UKM, Graduate School of Business

Yang dihormati,

**Prof. Madya Dr. Mohd Fairuz Md Salleh,**

Pengarah Unit Perniagaan Strategik, GSB.

Barisan Timbalan Naib Canselor,

Barisan Pengurusan UKM-GSB,

Para penulis buku yang diraikan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Dif-dif jemputan, Para petugas media dan hadirin yang dihormati sekalian.

1. Izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Graduate School of Business, Universiti Kebangsaan Malaysia atau lebih dikenali sebagai; UKM-GSB atas kesudian untuk menjemput saya bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku dan Logo Baharu UKM-GSB 2022.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada UKM-GSB. Saya dimaklumkan bahawa UKM-GSB mempunyai jumlah pelajar pascasiswa pengajian perniagaan tertinggi di Malaysia pada tahun 2021. UKM-GSB telah ditubuhkan pada 1 Oktober 2007 iaitu 15 tahun yang lalu dan dengan pelancaran logo baharu ini, saya yakin semangat baharu akan disuntik dalam kalangan warga UKM-GSB untuk mencapai visi, misi dan matlamat UKM-GSB.
3. Alhamdulillah, saya besyukur mempunyai hubungan yang erat dengan UKM sejak penubuhannya. Saya amat menyokong usaha-usaha UKM dan universiti lain untuk menjalin hubungan dengan industri, badan-badan bukan kerajaan, dan agensi-agensi kerajaan. Saya juga telah beberapa kali ke UKM untuk berjumpa dengan pensyarah dan pelajar serta merasmikan beberapa program.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya saing dan berpendapatan tinggi, institut pengajian tinggi (IPT) negara memainkan peranan yang lebih agresif dalam menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi. Dalam tempoh 18 tahun dari 2002 hingga 2020, bilangan keluaran tahunan pelajar IPT telah bertambah sebanyak 15 peratus iaitu daripada 221,000 kepada 255,000. IPT telah berjaya menghasilkan graduan untuk memenuhi pelbagai permintaan atau keperluan bakat oleh industri yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara.
5. Kita bersyukur kerana kualiti pendidikan tinggi di negara kita juga bertambah baik. Sebuah IPTA berjaya menduduki 100 tangga teratas dalam penarafan QS World University Rankings pada tahun 2022 manakala empat IPTA yang lain berada

dalam kalangan 200 universiti teratas di dunia termasuk UKM yang berada di tangga 144. Walaubagaimanapun, kita perlu tingkatkan lagi usaha bagi mengeluarkan graduan bertaraf dunia yang mampu bersaing dengan graduan-graduan daripada universiti ternama di seluruh dunia.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

6. Pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) amat penting untuk menyokong pertumbuhan negara. Pada masa ini, terdapat 44 buah agensi di bawah sepuluh Kementerian yang melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan dengan bidang seperti bioteknologi, teknologi maklumat, pertanian dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti-aktiviti R&D&C&I ini adalah berdasarkan keutamaan masing-masing tanpa penyalaras dari aspek penggunaan sumber, sasaran dan mekanisme pemantauan. Pemantapan mekanisme kolaborasi diperlukan untuk memantapkan sinergi dalam kalangan penyelidik, pemain industri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.
7. Bagi mencapai hasrat ini, Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) telah diwujudkan di Unit Perancangan Ekonomi berkuat kuasa pada Ogos 2020 untuk menyelaras bidang keutamaan R&D&C&I negara untuk mencapai 50 peratus penyelidikan pembangunan eksperimental menjelang 2025. Sehubungan itu, RMU akan tingkatkan libat urus institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan industri.
8. Pada tahun 2018, perbelanjaan kasar R&D negara adalah sebanyak RM15 bilion atau 1.04 peratus kepada KDNK. peratusan ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan negara-negara maju iaitu di sekitar 3 peratus. Dalam RMKe-12, Kerajaan menyasarkan perbelanjaan kasar R&D meningkat kepada 2.5 peratus kepada KDNK menjelang 2025. Sebanyak 70 peratus dijangka disumbang daripada sektor swasta dan selebihnya (30 peratus) daripada sektor awam. Ini akan menyokong hasrat Kerajaan untuk meletakkan Malaysia di kedudukan 20 teratas dalam Global Innovation Index.

Hadirin sekalian,

9. Pada hari ini, saya dijemput untuk meraikan tiga kejayaan UKM-GSB seperti berikut:

- Pertama, melancarkan buku hasil nukilan para akademik GSB;
- Kedua, melancarkan logo baharu GSB; dan
- Ketiga, melancarkan kerjasama strategik bersama syarikat perbankan Malaysia dalam menawarkan pakej pembiayaan pengajian di GSB.

10. Buku-buku hasil nukilan para akademik GSB menyentuh pelbagai kepakaran, termasuk pengurusan sumber manusia, pengurusan pemasaran, serta pengurusan kewangan. Penghasilan buku-buku ilmiah boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada para ahli akademik dan juga kumpulan profesional dan pentadbiran. Syabas saya ucapkan kepada barisan penulis-penulis buku dan semoga terus berjaya dalam menghasilkan buku-buku yang menjadi sumber rujukan kepada semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Zuhud atas kejayaan menjalin kerjasama strategik UKM-GSB dengan lima bank iaitu:

- Malayan Banking Berhad;
- Affin Bank Berhad;
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat);
- Bank Muamalat Malaysia Berhad; dan
- Alliance Bank Malaysia Berhad.

12. Kerjasama ini bertujuan untuk menyediakan pembiayaan kepada pelajar yang ingin menyambung pengajian di UKM-GSB. Usaha ini dapat membuka lebih banyak peluang kepada semua untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Setinggi tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada barisan pengurusan GSB atas kerjasama baik ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Sebagai kesimpulan, saya berharap IPT seperti UKM akan menyahut cabaran mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam RMKe-12. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Buku dan Logo Baharu UKM-GSB 2022.

Sekian, terima kasih.